

# Kembali kepada fitrah seorang guru sejati



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUAHIMI TAAT  
Bersama, Mohd Yusof Abdullah,  
Baharom Mohamad, Roslee Talip, Abdul  
Said Ambotang dan Shukri Zain

BULAN Syawal bagi tahun ini akan menutup tirai tidak lama lagi. Walaupun sebenarnya Hari Raya Aidilfitri hanyalah sehari sahaja iaitu pada satu Syawal, namun telah menjadi satu adat kebiasaan di negara kita untuk menyambutnya hingga ke akhir hayat.

Sambutan Aidilfitri memberikan kita pelbagai makna dan nilai dalam kehidupan. Terdapat yang menyambutnya secara meriah bersama keluarga dan terdapat juga yang menyambutnya secara sederhana. Malah ada juga segelintir yang kurang bernasib baik menyambutnya dengan hiba dan penuh tangisan. Di kesempatan ini, penulis ingin membicarakan serba sedikit berkaitan makna dan pengertian sebenar istilah ‘fitri’ atau ‘fitrah’ dalam dunia pendidikan khususnya bagi insan yang bergelar guru atau Fitrah merujuk kepada sifat-sifat atau ciri-ciri kemanusiaan dari aspek jasmani dan rohani yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepada insan manusia. Sepertimana seorang bayi yang dilahirkan ke dunia ini yang suci dan bersih daripada sebarang dosa dan sifat

tercela, begitulah juga apabila manusia kembali kepada fitrahnya, bermakna manusia itu kembali kepada sifat kemanusiaan yang bersih dan suci. Justeru, seorang guru juga harus mengambil iktibar dengan kehadiran Syawal ini untuk kembali kepada fitrah seorang guru sejati dan berusaha untuk beristiqomah dalam proses pelaksanaan dan penghayatannya hingga ke akhir hayat.

Guru selaku insan pendidik seharusnya sedar bahawa kerjaya ini bukanlah hanya sekadar kerjaya ‘makan gaji’ seperti pekerjaan lain. Tugas adan tanggungjawab guru sebagai seorang ‘murobbi’ menuntut agar guru memberikan pengajaran dan pendidikan secara menyeluruh kepada para pelajarnya. Di samping itu juga, tugas guru tidaklah semudah seperti disangka, dan hanya mereka yang memiliki ‘keasyikan’ dan ‘keseronokan’ dalam usaha mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran akan berjaya menjadi guru sejati yang efektif dan efisien. Perkara pokok seperti niat yang ikhlas haruslah disebatkan dalam diri. Hal ini akan dapat menjadikan seorang guru itu sentiasa ‘sejuk mata’ dan senang hati apabila melihat sekolah dan pelajar selaku warga utamanya. Guru sebegini sentiasa merasai satu daya tarikan sekolah

yang sangat kuat dan bukannya merasakan satu aura penolakan untuk pergi ke sekolah.

Seterusnya guru harus menyedari bahawa pelajar adalah pelanggan utama yang harus diberikan perkhidmatan terbaik demi kepuasan hati pelajar. Ini bukanlah bermakna pelajar menjadi tuan atau bos kepada guru, tetapi sebenarnya melaksanakan tugas, tanggungjawab, peranan, dan amanah yang diberikan dengan penuh ikhlas, minat, dan dedikasi. Oleh yang demikian, baharulah profesion keguruan itu menepati ciri selaku ‘pewaris para nabi’ dan menjadi ibadah sepanjang kehidupan. Guru hendaklah bijak dalam menangani apa juga isu, situasi, dan masalah yang dihadapi di sekolah khususnya berkaitan pelajar agar pelajar sentiasa teruja untuk menyelami ilmu yang diperturunkan kepada mereka.

Beberapa kajian yang pernah dijalankan menunjukkan bahawa pelajar akan meminati mata pelajaran yang diajar oleh guru yang disukainya, dan begitulah juga sebaliknya.

Walaupun sesetengah mata pelajaran dikatakan sukar, namun faktor penarik oleh guru itu akan mengurangkan tahap kesukaran tersebut yang seterusnya akan membangkitkan keseronokan dan kemajuan tahap demi tahap.

Keadaan ini jelas membuktikan bahawa aspek sahsiahan atau personaliti guru mestilah diberikan penekanan, ditambah lagi dengan kemahiran insaniah (soft skills) tinggi yang dimiliki oleh guru. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah haruslah berlaku dalam keadaan yang selamat, selesa, dan memberangsangkan. Kawalan kelas dan disiplin yang berkesan, dan ditambah lagi dengan daya penarik serta keupayaan kreativiti guru akan dapat mempengaruhi pelajar untuk memberikan perhatian dan fokus terhadap isi pelajaran yang hendak disampaikan. Suasana ‘rasa hati’ harus dibangkitkan dan diperteguhkan kerana di dalam bilik darjah pelajar menerima isi pelajaran secara formal dan mendapat bimbingan secara ‘hands on’ daripada seorang guru.

Nabi Muhammad SAW ada menyebutkan dalam satu hadis Baginda bahawa dalam diri manusia terdapat seketul daging(darah) yang akan mengawal/tindak tanduk manusia iaitu hati. Sesungguhnya hati yang kita miliki apabila dapat dikawal selia dengan baik dan dipenuhi dengan benih-benih keimanan dan ketakwaan sudah tentu akan memandu ke arah kebaikan dan menjauhi daripada melakukan sebarang kemungkaran

atau perkara-perkara ‘mazmumah’ (keburukan) dalam kehidupan. Sebagai seorang guru, hati ini perlu kembali kepada fitrahnya iaitu membawa manusia kepada segala pemikiran dan perlakuan yang ‘mahmudah’ (baik) serta terpuji. Teori kepercayaan kendiri (self-efficacy) yang sangat ditekankan dalam bidang ilmu pendidikan moden sebenarnya merujuk kepada hati yang baik dan selalu bersangka baik kepada manusia lain. Sebagai contoh, apabila seorang guru yakin dan percaya bahawa pelajarnya boleh berjaya, maka insyaAllah suatu hari nanti pelajarnya akan benar-benar berjaya, dan begitulah juga sebaliknya. Kepercayaan dan keyakinan guru tersebut akan mempengaruhi cara dan kesungguhananya untuk mengajar dan ini akan memberikan kesan kepada penerimaan pembelajaran oleh para pelajarnya.

Isunya sekarang adalah adakah guru bersedia untuk kembali kepada fitrahnya atau adakah guru telah bersedia untuk berubah? Perkara ini pernah disentuh dan dihuraikan dalam tulisan-tulisan sebelum ini. Secara ringkasnya kesediaan untuk berubah adalah bergantung kepada faktor dalam dan luaran seseorang. Selain itu ia juga bergantung kepada faktor penarik (pulling factor) dan

faktor penolak (pushing factor). Oleh kerana perubahan adalah sesuatu yang bersifat subjektif dan dinamik, maka perubahan yang dilakukan tidak seharusnya terjadi dengan tergesa-gesa atau tiba-tiba. Ianya memerlukan kepada pemikiran, analisis, rujukan dan kajian yang terperinci sebelum keputusan untuk melakukan atau menerima sesuatu perubahan itu. Dalam erti kata lain, kesediaan untuk berubah bukanlah semata-mata bermaksud kita mesti berubah mengikut sesuatu perubahan yang dilakukan, tetapi kita juga boleh berubah tanpa mengikut perubahan tersebut iaitu dengan membuat pembetulan atau penambahbaikan terhadap sesuatu perubahan yang diperkenalkan. Hakikatnya manusia tidak boleh lari daripada firtah kejadiannya kerana fitrah itu dijadikan dan dilahirkan bersama-sama dengan manusia.

Maka terserahlah kepada individu untuk kembali atau lari daripada fitrahnya. Sebagai insan guru, bersemepena dengan Syawal tahun ini, marilah kita sama-sama merenung dan berfikir sejenak serta bermuhasabah diri agar kita tidak tergelincir daripada landasan fitrah seorang guru sejati.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.